



LAPORAN TAHUNAN 2015



ISI KANDUNGAN

- 2** PERUTUSAN PENGERUSI
- 3** AGENDA MESYUARAT
- 4** NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2015
- 5** **AGENDA 3 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUN 2014**
- 14** **AGENDA 4 : MEMBENTANGKAN DAN MENERIMA LAPORAN LEMBAGA DAN J.A.D.**
- 27** **AGENDA 5(i) : MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TEMPOH **JULAI 2014 – JUN 2015****
- 51** **AGENDA 5(ii) : MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TEMPOH **JULAI 2013 – JUN 2014****
- 70** **AGENDA 7 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUN 2016**

PERUTUSAN PENGERUSI

**Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala pujian hanya bagi Allah S.W.T.
Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. dan kerabat Baginda.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin, taufik dan hidayah-Nya dapat lagi kita berkumpul dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke tujuh pada tahun ini bagi menilai pencapaian oleh Koperasi UniMAP Perlis (KOUNIMAP) Berhad. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga, Jawatankuasa terlantik, semua warga kerja dan para anggota yang telah memberikan sepenuh kerjasama dan sokongan bagi merealisasikan Visi, Misi dan Objektif KOUNIMAP.

Setelah melalui pelbagai cabaran, syukur Alhamdulillah, hasil operasi KOUNIMAP sepanjang tahun lalu, kita memperolehi keuntungan sebanyak RM2,539,363.93 untuk tahun kewangan berakhir Jun 2014. Keuntungan bersih bagi tahun berikut, berakhir Jun 2015, adalah sebanyak RM324,420.29 setelah ditolak zakat dan pindahan ke kumpulan wang Rizab Statutori sebanyak 13%. Pada pengakhiran tahun kewangan 2015, kita mendapati berlakunya pertambahan peningkatan pendapatan sebanyak RM3,639,454.33. Saya yakin dengan adanya pertambahan dana dari institusi kewangan lain yang masih dalam peringkat perbincangan dan peringkat permohonan dapat meningkatkan pendapatan KOUNIMAP pada masa akan datang.

Akhir kata, bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dan pengurusan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua anggota atas sokongan mereka yang padu sehingga dapat memperlihatkan perkembangan KOUNIMAP yang positif dan diharapkan sokongan ini dapat dikekalkan demi kejayaan kita bersama.

Sekian.

Wassalam.

**TUAN HAJI ABDULL HALIM BIN ABDUL,
*Pengerusi***

AGENDA MESYUARAT

NOTIS MESYUARAT AGUNG

Tarikh : 19/11/2015

KEPADA

SEMUA ANGGOTA KOPERASI UNIMAP PERLIS (KOUNIMAP) BERHAD

Y.Bhg. Dato'/ Y.Bhg. Datin/Tuan/Puan/Cik,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI UNIMAP PERLIS (KOUNIMAP) BERHAD KALI KE-TUJUH (7)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi UniMAP Perlis (KOUNIMAP) Berhad Kali Ketujuh (7) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh	: 21 Disember 2015 (Isnin)
Masa	: 8:30 pagi
Tempat	: Dewan Kecemerlangan, Kampus Tetap UniMAP Pauh Putra

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Agenda Mesyuarat, Borang Usul dan Laporan Tahunan untuk perhatian dan tindakan semua anggota KOUNIMAP.

4. Sekiranya terdapat sebarang usul yang ingin dibangkitkan dan dibuat keputusan oleh Mesyuarat Agung, perkara tersebut hendaklah disampaikan melalui Borang Usul yang mesti diserahkan **sebelum Jumaat, 11 Disember 2015 jam 5:00 petang**. Borang Usul boleh dihantar melalui laman web Koperasi : <http://usul.kounimap.com>, emel : usul@kounimap.com atau penghantaran sendiri ke Pejabat KOUNIMAP.

5. Anggota yang menghadiri Mesyuarat Agung ini akan diberi Elaun Kehadiran sebanyak **RM50.00**.

6. Dengan ini, tuan/puan adalah dijemput hadir bagi menunaikan tanggungjawab sebagai anggota Koperasi dan menjayakan Mesyuarat Agung ini.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

(AHMAD SYAYUTHI BIN ABDUL RAHMAN)

Setiausaha

KOPERASI UNIMAP PERLIS (KOUNIMAP) BERHAD

AGENDA 3 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUN 2014

Tarikh	:	23 DISEMBER 2014 (SELASA)
Masa	:	2:30 PETANG
Tempat	:	DEWAN KAPITOL UNIMAP, KANGAR PERLIS
Kehadiran	:	345 orang

PENDAHULUAN

a) Pemilihan Pengerusi Mesyuarat Agung

Pengerusi Koperasi **Abdull Halim bin Abdul (0013)** memaklumkan jumlah kehadiran adalah seramai **345 orang** dan bilangan ini memenuhi kehendak kuorum mesyuarat.

Beliau memaklumkan mengikut undang-undang kecil, Pengerusi Mesyuarat hendaklah dipilih dari kalangan anggota. Oleh itu, beliau membuka pencalonan kepada anggota-anggota untuk memilih Pengerusi Mesyuarat.

Atas cadangan **Hafizah Binti Md Yusof (0039)** dan disokong oleh **Baharuddin Bin Ismail (0622)** mesyuarat sebulat suara memilih **Abdull Halim bin Abdul (0013)** sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-Enam.

b) Pencatat Minit

Setiausaha Kounimap telah menurunkan kuasa untuk mencatat minit mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 6 kepada Noorfaezah Binti Omar dan Siti Fatimah Azzaharah Binti Md Said.

AGENDA 1

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA 10 ORANG IAITU ENAM (6) ANGGOTA BIASA DAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN.

Mesyuarat telah melantik enam (6) orang anggota sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat. Senarai nama AJK adalah seperti berikut :

Nama Calon	Pencadang	Penyokong
1. Baharuddin Bin Ismail (0622)	Ahmad Syayuthi Bin Abdul Rahman (0033)	Mohd Anuar Bin Mat (0304)
2. Hirwan Jasbir Bin Jaafar (0340)	Mohd Anuar Bin Mat (0304)	Ahmad Syayuthi Bin Abdul

3. Muhammad Izmer Bin Yusof (0353)	Mohd Anuar Bin Mat (0304)	Rahman (0033) Ahmad Syayuthi Bin Abdul Rahman (0033)
4. Shuhairimi Bin Abdullah (0158)	Idayu Sofna Binti Ishak (0236)	Jamsari Bin Jamaluddin (0872)
5. Shuib Bin Sahudin (0587)	Idayu Sofna Binti Ishak (0236)	Ku Amir Bin Ku Daud (0421)
6. Ahmad Humaizi Bin Hilmi (0129)	Ahmad Syayuthi Bin Abdul Rahman (0033)	Baharuddin Bin Ismail (0622)

Manakala seramai empat (4) orang Anggota Lembaga adalah seperti berikut :-

- 1. Ahmad Syayuthi Bin Abdul Rahman (0033)**
- 2. Idayu Sofna Binti Ishak (0236)**
- 3. Hafizah Binti Md Yusof (0039)**
- 4. Abdull Halim bin Abdul (0013)**

AGENDA 2

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-5 PADA 19 DISEMBER 2013.

- 2.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan minit mesyuarat tersebut adalah pada helaian **Agenda 2 dari muka surat SATU (1) hingga LAPAN (8)**.
- 2.2 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-5 mendapat pengesahan secara sebulat suara setelah dicadangkan oleh **Muhammad Izmer Bin Yusof (0353)** dan disokong oleh **Zulkifli Sham bin Saad (0146)**

AGENDA 3

MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 3.1 **Abdull Halim bin Abdul (0013)** membentangkan Laporan Lembaga pada helaian **Agenda 3 dari muka surat SATU (1) hingga EMPAT (4)** dan memberi ruang kepada anggota untuk bertanyakan sebarang soalan.
- 3.2 Laporan Lembaga berkenaan diterima setelah dicadang oleh **Munif Bin Mohd. Marzuki (0043)** dan disokong oleh **Wan Norhaizar Bin Harun (0892)**.

AGENDA 4

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT.

4.1 **Sahadah Binti Ahmad (0082)** membentangkan penyata kewangan yang teraudit bagi tahun berakhir Jun 2012 dan Jun 2013. Keuntungan bersih yang diterima setakat Jun 2013 adalah sebanyak RM381,029.60

4.2 Laporan penyata kewangan bersama Laporan Juruaudit diterima setelah dicadang oleh **Baharuddin Bin Ismail (0622)** dan disokong oleh **Zulkifli Sham bin Saad (0146)**.

AGENDA 5

MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA.

5.1 Pengurus Mesyuarat mengumumkan tiga (3) orang ALK yang gugur bagi sesi 2014/2015.

- | | |
|------------------------------------|--------|
| 1. Abdull Halim Bin Abdul | (0013) |
| 2. Ahmad Syayuthi Bin Abdul Rahman | (0033) |
| 3. Sahadah Binti Ahmad | (0082) |

5.2 **Mohd Anuar Bin Mat (0304)** mencadangkan ketiga-tiga mereka dikekalkan sebagai Anggota Lembaga berdasarkan kepada pencapaian prestasi Koperasi yang amat memberangsangkan di bawah kelolaan mereka. Hal ini disokong oleh **Abdul Rashit Bin Mustafa (0571)**.

5.3 Agenda pemilihan anggota lembaga ditutup setelah **Zulkifli Sham Bin Saad (0146)** mencadangkan pencalonan ditutup dan disokong oleh **Hafizah Binti Md. Yusof (0039)**

AGENDA 6

MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUN 2015.

6.1 **Sahadah Binti Ahmad (0082)** membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2015 pada helaian Agenda 6.

6.2 Mesyuarat meluluskan Belanjawan Tahunan 2015 dengan mendapat persetujuan daripada **Sohiful Anuar Bin Zainol Murad (0556)** dan disokong oleh **Mohd Hafiz Bin Zakaria (0810)**.

AGENDA 7

MELULUSKAN ELAUN – ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA.

7.1 **Abdull Halim bin Abdul (0013)** mencadangkan agar elaun Anggota Lembaga tidak boleh melebihi 90% dari perbelanjaan lembaga yang ditetapkan di dalam Belanjawan 2015.

7.2 Setelah pembentangan cadangan dibuat, mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk meluluskan seperti yang dibentangkan setelah dicadang oleh **Faizah Binti Abu Bakar (0180)** dan disokong oleh **Muzamir Bin Isa (0388)**

AGENDA 8**MENDENGAR, MENIMBANG DAN MEMUTUSKAN AKTIVITI-AKTIVITI PERNIAGAAN KOPERASI BAGI TAHUN 2015.**

8.1 Pengerusi Mesyuarat, **Abdull Halim bin Abdul (0013)** membacakan aktiviti-aktiviti perniagaan yang ingin dicadangkan pada tahun 2015 seperti yang berikut:

- 8.1.1** Memohon kebenaran untuk Kounimap membuat pinjaman dari Agensi-agensi Kerajaan, Bank-bank atau Koperasi-koperasi berdaftar di Malaysia
- 8.1.2** Memohon kebenaran untuk menerima pelaburan dari Kelab-kelab dan Persatuan persatuan dalaman Universiti Malaysia Perlis, Koperasi-koperasi dan Syarikat-syarikat yang berdaftar di Malaysia bagi tujuan pelaburan dalam Skim Tabung Simpanan Khas
- 8.1.3** Memohon kebenaran untuk menubuhkan Skim Tabung Simpanan Khas Perumahan
- 8.1.4** Memohon kebenaran untuk menubuhkan anak syarikat Kounimap Runding bagi menguruskan perundingan dengan Koperasi-koperasi lain berkaitan dengan Skim Simpanan Khas.
- 8.1.5** Memohon kebenaran untuk Kounimap membeli atau membina bangunan Koperasi.
- 8.1.6** Memohon kebenaran untuk Kounimap menawarkan satu platform perniagaan internet berkonsepkan kompleks perniagaan maya kepada orang awam (www.market.kounimap.com)
- 8.1.7** Memohon kebenaran Anggota untuk membenarkan Koperasi terlibat dalam aktiviti-aktiviti kebajikan dan sosial.

8.2 Pengerusi memaklumkan Kounimap memerlukan kebenaran anggota untuk membuat pinjaman dengan agensi-agensi kerajaan seperti SKM dan bank-bank di Malaysia sekiranya perlu bagi membantu pengurusan aktiviti-aktiviti Kounimap, setelah **Muhammad Izmer Bin Yusof (0353)** memohon agar Pengerusi menerangkan lebih lanjut tentang aktiviti **8.1.1 - Pinjaman**

8.3 Pengerusi juga memaklumkan mengenai terdapat tanah yang telah dikenal pasti untuk aktiviti **8.1.3 – Skim Tabung Simpanan Khas Perumahan** apabila ramai anggota mencadangkan agar ditubuhkan perkhidmatan pinjaman untuk perumahan.

8.4 **Mohd Hafiz Bin Zakaria (0810)** memaklumkan beliau berminat dengan aktiviti **8.1.6 – Perniagaan Internet** dan memberi cadangan agar aktiviti-aktiviti ini diterima. Mesyuarat bersetuju meluluskan semua aktiviti ini setelah disokong oleh **Jamsari Bin Jamaluddin (0872)**

AGENDA 9**MELULUS DAN MENGEKALKAN FIRMA AUDIT**

9.1 **Abdull Halim bin Abdul (0013)** memohon mesyuarat membenarkan lantikan panel firma audit iaitu **Syed Zulkiple & Co.** beralamat di **No. 4, Tingkat Atas, Jalan Tembusu, Taman Jejawi 02600 Arau Perlis.**

9.2 **Azral Mukmin Bin Azmi (0714)** mencadangkan agar firma audit ini dikekalkan dan disokong oleh **Muhammad Izmer Bin Yusof (0353).**

AGENDA 10**MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELANTIK PANEL PEGUAM BERTUJUAN MEMBANTU KOPERASI DALAM KES-KES YANG MELIBATKAN PERUNDANGAN TERUTAMA DARI SEGI WANG PINJAMAN**

10.1 **Abdull Halim bin Abdul (0013)** memohon mesyuarat membenarkan lantikan panel peguam untuk membantu koperasi dalam hal-hal berkaitan perundangan terutama proses tuntutan tunggakan pinjaman.

10.2 **Muhammad Khairy Bin Md Naim (0517)** mencadangkan agar lantikan peguam diluluskan dan kemudiannya disokong oleh **Pubalan A/L Nadaraja (0503).**

AGENDA 11**MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN KOPERASI**

11.1 **Abdull Halim bin Abdul (0013)** memohon mesyuarat menimbangkan dan meluluskan skop dan had pelaburan tidak melebihi **RM5 juta** daripada jumlah kewangan Koperasi.

11.2 **Muzaidi Bin Othman@Marzuki (0375)** mencadangkan agar permohonan ini diterima dan disokong oleh **Pubalan A/L Nadaraja (0503).**

AGENDA 12**MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN**

12.1 **Abdull Halim bin Abdul (0013)** mencadangkan had maksimum keterhutangan Koperasi adalah sebanyak **RM20 juta**

12.3 Mesyuarat meluluskan had pinjaman sebanyak RM20 juta setelah dicadangkan oleh **Mohd Hafiz Bin Arsyad (0805)** dan kemudiannya disokong oleh **Muhammad Khairy Bin Md Naim (0517).**

AGENDA 13

MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

13.1 **Abdull Halim bin Abdul (0013)** membentangkan pembahagian keuntungan adalah seperti berikut:-

13.1.1 Dividen ke atas yuran – 10%

13.1.2 Dividen ke atas syer – 20%

13.2 Mesyuarat bersetuju meluluskan pembahagian keuntungan setelah dicadangkan oleh **Baharuddin Bin Ismail (0622)** dan disokong oleh **Munif Bin Mohd. Marzuki (0043)**

AGENDA 14

MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL DAN ATURAN KOPERASI

14.1 **Abdull Halim bin Abdul (0013)** menjelaskan pindaan kepada Undang-undang Kecil adalah seperti berikut

14.1.1 UUK 4 (1): Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan **Koperasi UniMAP Perlis Berhad**

UUK 4 (2): Singkatan nama bagi Koperasi UniMAP Perlis Berhad adalah **kounimap**

14.1.2 UUK 5 (1): Alamat yang didaftarkan bagi koperasi ini ialah **No. 19, Jalan 3, Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya, Jalan Tuanku Syed Putra, 01000 Kangar, Perlis**

14.1.3 UUK 6 : Kawasan operasi koperasi ini ialah **Seluruh Semenanjung Malaysia**

14.1.4 UUK 11 (1): Keanggotaan koperasi ini terbuka kepada semua kakitangan, pasangan kakitangan dan bekas kakitangan Universiti Malaysia Perlis, alumni pelajar Universiti Malaysia Perlis, Lembaga Pengarah dan bekas Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis.

14.2 **Muhammad Izmer Bin Yusof (0353)** dan **Mohd Hafiz Bin Zakaria (0810)** mencadangkan agar keanggotaan turut dibuka kepada ibubapa staf UniMAP.

14.3 **Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Perlis, Encik Zainudin Bin Sulaiman** memberi komen agar Kounimap harus fahamkan tujuan dan fokus penubuhan adalah untuk siapa dan sebagai

koperasi kredit, Kounimap harus fikirkan kaedah potongan bulanan sekiranya keanggotaan dibuka kepada pasangan dan ibuabapa staf UniMAP.

14.4 Setelah menerima komen dari Timbalan Pengarah SKM Perlis, **Mohd Hafiz Bin Arsyad (0805)** mencadangkan agar mesyuarat menolak cadangan pindaan UUK 6 dan UUK 11(1) dan hanya menerima cadangan pindaan UUK 4(1), UUK 4(2) dan UUK 5(1) . Perkara ini kemudian disokong oleh **Pubalan A/L Nadaraja (0503)**.

AGENDA 15

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA USUL ATAU URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU TEMPOH NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI TELAH DIBERIKAN.

15.1 Anggota **Basri Bin Abu Bakar (0243)** membacakan semua perkara yang beliau kemukakan melalui borang usul.

15.1.1 Saya ingin semua ahli lembaga koperasi digugurkan kerana terdapat kelemahan dalam pentadbiran dan memberi peluang kepada muka baru.

15.1.2 Saya ingin tahu apakah perjalanan koperasi sejak ditubuhkan?

15.1.3 Saya ingin koperasi bentangkan penyata kewangan bagi tahun 2008,2009,2010,2011

15.1.4 Saya mahu koperasi perjelaskan kerugian yang dialami oleh koperasi sejak tempoh 2007,2008,2009,2010,2011

15.1.5 Sila perjelaskan kemanakah wang simpanan khas dilaburkan?

15.1.6 Adakah skim wang simpanan khas ini diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau Bank Negara Malaysia?

15.1.7 Kenapakah wang modal syer atau yuran tidak pernah diberikan dividen?

15.1.8 Saya ingin memohon supaya wang pembiayaan simpanan khas dihentikan sementara waktu sehingga kes ini diselesaikan oleh pihak berkuasa

15.1.9 Kenapakah wang simpanan khas atau tabung simpanan khas diberi dividen yang amat tinggi sehingga mencecah 20% dan dari manakah pendapatan tersebut, sila perjelaskan.

15.1.10 Sila kemukakan apakah urusniaga yang diamalkan oleh Koperasi Unimap ini sejak mula ditubuhkan dan sehingga sekarang?

15.1.11 Apakah yang terjadi atau berlaku kepada pihak pengurusan Koperasi pada tahun 2009,2010 yang mencatat kerugian yang tinggi?

15.1.12 Status kelulusan Syariah? Status kepatuhan syariah yang diragui sejak 2013, status Kepatuhan syariah adalah dalam permohonan berlanjutan sehingga tahun 2014, dimana status ini

masih tidak diketahui umum. Jika panel telah dilantik, siapakah panel-panel tersebut, bagaimana pula laporan dari panel berkenaan?

15.2 Setelah dibacakan kesemua perkara, **Abdull Halim bin Abdul (0013)** menjawab kesemua soalan bermula dengan usul untuk menggugurkan kesemua Anggota Lembaga sedia ada.

15.2.1 Berdasarkan laporan audit, Pengurus memaklumkan sekurang-kurangnya barisan Anggota Lembaga ini telah menunjukkan sedikit perkembangan berbanding prestasi Koperasi pada tahun-tahun sebelum. **Baharuddin Bin Ismail (0622)** mencadangkan agar usul untuk menggugurkan semua Anggota Lembaga ditolak dan kemudian disokong oleh **Sohiful Anuar Bin Zainol Murad (0556)**.

15.2.2 Bagi perkara 15.1.2 dan 15.1.3, Pengurus memaklumkan aktiviti dan laporan kewangan tahunan Koperasi telah pun dibincangkan pada Mesyuarat-mesyuarat Agung yang lepas.

15.2.3 Bagi perkara 15.1.4, Pengurus memaklumkan bahawa laporan kewangan bagi tahun-tahun berkenaan telah dibentangkan pada mesyuarat-mesyuarat yang lepas. Bagi tahun 2010, tahun beliau mula memegang jawatan Anggota Lembaga, tiada kerugian yang dilaporkan.

15.2.4 Bagi perkara 15.1.5, hal berkenaan telah terdapat di dalam Aturan Tabung Simpanan Khas bahawa wang tersebut hanya boleh diberi sebagai pinjaman kepada anggota.

15.2.5 Bagi perkara 15.1.6, Pengurus menjelaskan pihak SKM telah sedia maklum akan Skim Tabung Simpanan Khas Koperasi UniMAP.

15.2.6 Bagi perkara 15.1.7, Koperasi mengalami kerugian sehingga 2011 yang mana Koperasi Mempunyai sedikit sahaja keuntungan. Namun atas nasihat Pengarah SKM ketika itu, jumlah berkenaan tidak cukup untuk diberi dividen pada anggota.

15.2.7 Bagi perkara 15.1.8, Pengurus merasakan tidak perlu untuk memberhentikan Skim Tabung Simpanan Khas berkenaan kerana tidak mendapat sebarang arahan dari SKM atau Bank Negara.

15.2.8 Bagi perkara 15.1.9, Pengurus memaklumkan seperti yang terdapat di dalam Aturan, keuntungan yang diperoleh adalah berdasarkan pembahagian 30-70, yang mana pelabur mendapat keuntungan pada nisbah 70. Pengurus juga mengingatkan anggota bahawa Koperasi memberi keuntungan dan bukan dividen.

15.2.9 Bagi perkara 15.1.10, Pengurus menjelaskan urusniaga Koperasi sejak dari mula penubuhan adalah perkhidmatan kredit dan Kedai Buku yang membekalkan alat tulis serta barang runcit.

15.2.10 Bagi perkara 15.1.11, Pengurus memaklumkan pada 2010 tiada kerugian dilaporkan.

15.2.11 Bagi perkara 15.1.12, Pengurus memaklumkan Koperasi telah melantik Panel Penasihat

ANGKASA dan selepas Mesyuarat Agung ini, Panel Penasihat ini akan datang ke Koperasi dan membuat audit.

AGENDA 16

MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN KEPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

16.1 Pengerusi mencadangkan Juruaudit Dalaman diberi imbuhan tidak melebihi RM300.00 seorang untuk setiap kali audit dijalankan.

16.2 **Muhammad Izmer Bin Yusof (0353)** mencadangkan agar permohonan ini diterima dan disokong oleh **Muhammad Khairy Bin Md Naim (0517)**.


Mesyuarat ditangguh pada jam 6.15 petang dengan ucapan terima kasih oleh Pengerusi Mesyuarat kepada semua yang hadir.

Minit Mesyuarat Agung KOUNIMAP Kali ke-6 yang diadakan pada 23 Disember 2014 di Dewan Capitol UniMAP Kangar Perlis telah ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat.


1) Tuan Hj. Abdull Halim bin Abdul




2) Pn. Idayu Sofna Binti Ishak




3) En. Ahmad Syayuthi Abdul Rahman



4) Pn. Hafizah Md. Yusof



5) En. Baharuddin Ismail



6) Dr. Shuhairimi Abdullah



7) Dr. Ahmad Humaizi Hilmi

8) Prof. Madya Shuib Sahudin

9) En. Hirwan Jasbir Jaafar

10) En. Muhammad Izmer Yusof

AGENDA 4 MEMBENTANGKAN DAN MENERIMA LAPORAN LEMBAGA DAN J.A.D.

BAGI TEMPOH JULAI 2014 – JUN 2015

TUJUAN

Bahagian ini melaporkan aktiviti-aktiviti dan perkembangan KOUNIMAP bagi tempoh Julai 2014 sehingga Jun 2015 untuk pembentangan dan kelulusan para anggota.

PENDAHULUAN

Koperasi UniMAP Perlis (KOUNIMAP) Berhad telah didaftarkan pada 16 Januari 2004 di bawah Akta Koperasi Malaysia 1993 dengan nombor pendaftaran R-5-0078. Bertujuan untuk memberikan perkhidmatan dan kebijakan yang dapat memberi manfaat khususnya kepada anggota-anggota dan kakitangan UniMAP secara amnya. Sejarah penubuhan KOUNIMAP ini telah bermula melalui cetusan idea warga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang kini dikenali sebagai Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Sedari awal penubuhan, KOUNIMAP didaftarkan sebagai koperasi kredit. Sejajar dengan tujuan tersebut KOUNIMAP telah melaksanakan pelbagai kegiatan ekonomi dengan menerokai pelbagai peluang-peluang perniagaan lain. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu menjana hasil ekonomi kepada anggota melalui kerjasama strategik bersama UniMAP dan beberapa koperasi serta syarikat lain.

TADBIR URUS

Anggota Lembaga

KOUNIMAP diseliakan oleh 9 orang Anggota Lembaga dalam memenuhi fungsi serta matlamatnya seperti yang diperuntukkan dalam Undang-undang Kecil KOUNIMAP. Pengawasan berterusan dari Anggota Lembaga memastikan KOUNIMAP dapat mencapai tahap terbaik sepanjang penubuhan dan dapat menangani cabaran-cabaran semasa. Senarai ALK 2014/2015 adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Anggota Lembaga KOUNIMAP sesi 2014/2015

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Tuan Hj. Abdull Halim Bin Abdul	Pengerusi
2.	Encik Ahmad Syayuthi Bin Abdul Rahman	Setiausaha
3.	Puan Sahadah Bt Ahmad	Bendahari
4.	Encik Ahmad Zaidi Bin Abdullah	Anggota Lembaga
5.	Encik Mohd Anuar Bin Mat	Anggota Lembaga
6.	Encik Zamri Bin Mat Husain	Anggota Lembaga
7.	Puan Hafizah Bt Md Yusof	Anggota Lembaga
8.	Puan Idayu Sofna Bt Ishak	Anggota Lembaga
9.	Dr. Phak Len Eh Kan	Anggota Lembaga

Jawatankuasa Audit Dalaman

Bagi memastikan tanggungjawab dan hal ehwal KOUNIMAP dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Undang-undang Kecil serta keputusan Mesyuarat Agung, Jawatankuasa Audit Dalaman yang terdiri dari tiga orang telah dilantik oleh Anggota Lembaga. Senarai JAD 2014/2015 adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2 : Jawatankuasa Audit Dalaman KOUNIMAP sesi 2014/2015

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Puan Kartini binti Hj. Alir	Pengerusi
2.	Puan Nurhafiza binti Azizan	Anggota
3.	Puan Zetty Nurazlinda binti Zakaria*	Anggota
4.	Puan Normala binti Hj Khamis*	Anggota

* Puan Normala menggantikan Puan Zetty Nurazlinda pada 2 September 2015

MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA

Sepanjang tempoh Julai 2014 sehingga Jun 2015, sebanyak 13 siri mesyuarat Anggota Lembaga telah diadakan. Butiran mesyuarat dapat dilihat seperti mana Jadual 3.

Jadual 3 : Butiran Mesyuarat Anggota Lembaga KOUNIMAP sesi 2014/2015

BIL.	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT	KEHADIRAN
1.	24/07/2014	Kali ke-51 Bil. 6/2014	7 / 9 orang
2.	02/09/2014	Kali ke-52 Bil. 7/2014	9 / 9 orang
3.	02/10/2014	Kali ke-53 Bil. 8/2014	7 / 9 orang
4.	23/10/2014	Kali ke-54 Bil. 9/2014	9 / 9 orang
5.	17/11/2014	Kali ke-55 Bil. 10/2014	8 / 9 orang
6.	23/12/2014	Kali ke-56 Bil. 1/2015	9 / 9 orang
7.	13/01/2015	Kali ke-57 Bil. 2/2015	8 / 9 orang
8.	21/01/2015	Kali ke-58 Bil. 3/2015	6 / 9 orang
9.	12/02/2015	Kali ke-59 Bil. 4/2015	7 / 9 orang
10.	06/04/2015	Kali ke-60 Bil. 5/2015	8 / 9 orang
11.	30/04/2015	Kali ke-61 Bil. 6/2015	7 / 9 orang
12.	28/05/2015	Kali ke-62 Bil. 7/2015	6 / 9 orang
13.	25/06/2015	Kali ke-63 Bil. 8/2015	6 / 9 orang

PENGURUSAN

Usaha untuk merealisasikan visi, misi dan objektif, pentadbiran KOUNIMAP diuruskan oleh 17 orang kakitangan di ketiga-tiga unit iaitu **KOUNIMAP TADBIR** sebagai unit yang memantau keseluruhan aktiviti KOUNIMAP, **KOUNIMAP KEWANGAN** sebagai unit yang menguruskan produk-produk kewangan KOUNIMAP dan **KOUNIMAP BUKU** yang menyediakan perkhidmatan bekalan, cetakan dan jualan runcit.


KEANGGOTAAN

Sehingga 30 Jun 2015, jumlah keanggotaan yang aktif adalah seramai 797 orang dengan jumlah syer sebanyak RM88,780.00. Ini menunjukkan peningkatan 17.31% keanggotaan dan 15.76% modal syer berbanding tahun berakhir Jun 2014. Jumlah keanggotaan paling terkini meningkat kepada 857 orang anggota dengan modal syer sebanyak RM95,080.00. Perincian maklumat keanggotaan serta modal syer dan yuran adalah seperti di Jadual 4 dan Rajah 1 berikut.


Jadual 4 : Butiran Keanggotaan dan Modal Syer serta Yuran

	SEHINGGA JUN 2012	SEHINGGA JUN 2013	SEHINGGA JUN 2014	SEHINGGA JUN 2015
Bil. Anggota Aktif	272	480	659	797
Bil. Anggota Berhenti	0	5	11	14
Jumlah Modal Syer				
Jumlah Modal Yuran	RM20,565.00	RM56,565.00	RM74,785.00	RM88,780.00
	RM265,078.00	RM432,576.00	RM637,184.00	RM963,160.10

Graf 1 : Peningkatan Jumlah Modal Syer dan Yuran

**Jadual 5 : Bilangan Anggota Mengikut Jabatan UniMAP**

Bil.	Jabatan	Bil. Anggota
1.	JABATAN PEMBANGUNAN	79
2.	JABATAN KESELAMATAN	62
3.	PPK SISTEM ELEKTRIK	61
4.	PPK KOMPUTER & PERHUBUNGAN	55
5.	PPK MEKATRONIK	54
6.	PPK BAHAN	51
7.	PPK PEMBUATAN	39
8.	PPIPT	33
9.	JABATAN PENDAFTAR	33
10.	IMK	31
11.	PPK MIKROELEKTRONIK	30
12.	FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN	27
13.	PPK BIOPROSSES	25
14.	PPK ALAM SEKITAR	23
15.	JABATAN-JABATAN LAIN	246

Carta 1 : Peratusan Bilangan Anggota Koperasi Mengikut Jabatan UniMAP

AKTIVITI KOUNIMAP

A. KOUNIMAP KEWANGAN

Sejak ditubuhkan pada Mac 2012, Kounimap Kewangan telah berjaya membantu ramai ahli dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan untuk kemudahan mereka. Antara kemudahan yang ditawarkan termasuklah Simpanan Khas, Pembiayaan Simpanan Khas, Pembiayaan Peribadi, Pembiayaan Kecemasan, Perkhidmatan Kredit dan Barang Pengguna, dan juga Pembiayaan Umrah Ziarah. Perkhidmatan yang ditawarkan ini telah membantu anggota-anggota Kounimap menguruskan keperluan semasa mereka dan juga masa hadapan mereka. Produk-produk yang ditawarkan bersesuaian dengan objektif Kounimap iaitu untuk membantu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para anggota dan menggalakkan para anggota untuk menabung dan berjimat cermat.


Simpanan Khas dan Pembiayaan Simpanan Khas telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para anggota terutama sejak mula diperkenalkan. Faktor-faktor seperti pengisytiharan kadar

keuntungan yang tinggi telah membantu meningkatkan jumlah anggota dan jumlah pelaburan dalam Kounimap.

Pembiayaan-pembiayaan lain terutamanya Pembiayaan Peribadi juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Berbanding tahun-tahun sebelumnya, Kounimap telah berjaya menjana pendapatan yang tinggi hasil daripada pembiayaan-pembiayaan yang digunakan oleh anggota. Berakhir pada 30 Jun 2015, Keuntungan yang diperolehi meningkat sebanyak RM377,622.61. Peningkatan pengeluaran bagi Pembiayaan Peribadi adalah sebanyak RM16,718,475.60 iaitu 41.5% berbanding tahun sebelumnya. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah bagi memenuhi keperluan ahli terutama ketika menjelang musim perayaan dan musim persekolahan.


Peratus keuntungan Simpanan Khas yang telah diisyiharkan sepanjang empat tahun beroperasi ialah di antara 18% dan 19% setahun.

Graf 2 : Simpanan Khas dan Pembiayaan Simpanan Khas





Tahun	Jumlah Pembiayaan(RM)	Jumlah Diterima (Pokok)(RM)	Jumlah Diterima (Untung)(RM)

2012	211,680.00	7,006.31	8,869.69
2013	11,854,464.00	634,167.28	533,269.22
2014	28,144,176.00	1,453,571.05	1,135,249.73
2015	49,479,768.00	3,014,451.24	2,254,947.99


Graf 3 : Pembiayaan Peribadi

Tahun	Jumlah Pembiayaan (RM)	Jumlah Diterima (Pokok)(RM)	Jumlah Diterima (Untung)(RM)
2012	247,078.70	93,097.21	-12,016.82
2013	5,857,900.10	1,124,337.04	1,854.10
2014	11,815,747.50	1,672,183.35	275,437.40
2015	16,718,475.60	1,691,137.65	653,060.01

Graf 4 : Pembiayaan Kecemasan**Graf 5 : Perkhidmatan Kredit dan Barang Pengguna**



Graf 6 : Pembiayaan Umrah dan Ziarah



B. KOUNIMAP BUKU

Kounimap Buku yang ditubuhkan pada tahun 2012 merupakan salah satu unit di bawah pentadbiran Koperasi UniMAP Perlis (kounimap) Berhad. Kounimap Buku menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti :

i) Bekalan

Membekal barang-barang cenderahati, makanan dan minuman, alatulis, buku-buku ilmiah dan barang runcit.

ii) Percetakan

Perkhidmatan mencetak buku-buku ilmiah, barang-barang cenderahati seperti baju, mug, “pendrive”, beg dan pelbagai jenis lagi barang cenderahati serta menyediakan perkhidmatan mesin fotokopi.

Kounimap Buku mempunyai 2 mesin yang disediakan untuk mencetak barang cenderahati iaitu:

a. *Heatpress machine*

Mesin ini digunakan untuk percetakan. Pelbagai fungsi percetakan seperti mencetak plastik, metal, kaca dan juga tekstil.

b. *Flatbed printer*

Mesin pencetak ini digunakan untuk mencetak pelbagai jenis produk khususnya produk cenderahati.

iii) Perniagaan atas talian (*online business*)

Perniagaan atas talian atau lebih dikenali sebagai *online business* Kounimap Buku bukan sekadar untuk penjualan produk atau perkhidmatan, ia juga bertujuan untuk mendengar, berkomunikasi dengan pelanggan dan menjadi saluran yang sangat penting dalam mempromosikan produk baru. Kounimap Buku telah menjalankan perniagaan atas talian untuk mempromosikan kepelbagaiannya produknya melalui Facebook, Instagram dan *market kounimap*.

Kounimap Buku sering mengambil bahagian sekiranya terdapat aktiviti yang dianjurkan oleh UniMAP. Selain itu, Kounimap Buku juga akan memberi tajaan kepada pihak UniMAP yang memohon tajaan untuk menganjurkan sebarang program. Antara aktiviti jualan dan tajaan telah dijalankan oleh Kounimap Buku dalam pelbagai anjuran adalah seperti berikut:

A. Aktiviti Jualan

2014	AKTIVITI
OGOS	i)Program Asia Summer
SEPTEMBER	i)Minggu Suai Kenal pelajar Ijazah UniMAP 2014 ii)Festival Konvokesyen ke 9 UniMAP 2014
	i)Karnival Sukan & Niaga (Kasuga) 2014
NOVEMBER	i)Karnival Sukan & Niaga (Kasuga) 2014

B. Aktiviti Tajaan


2014	AKTIVITI
SEPTEMBER	Festival Konvokesyen ke 9 UniMAP 2014 Jumlah tajaan: RM 5,760.00
OKTOBER	Seminar GST Anjuran Jabatan Bendahari UniMAP Jumlah tajaan: RM 2,000.00
2015	AKTIVITI
MEI	Hari Integrated Design Project (IDP) anjuran 2015 PPK Mekatronik, UniMAP Jumlah tajaan: RM 1,000.00

KEWANGAN KESELURUHAN

Peningkatan pendapatan dari tahun 2013 sebanyak RM2,093,170.86 dari aktiviti pembiayaan seterusnya dapat melihat perkembangan positif di mana KOUNIMAP telah berjaya memperolehi keuntungan sebanyak RM2,539,363.93 untuk kewangan berakhir Jun 2014. Keuntungan bersih bagi tahun berikut adalah sebanyak RM324,420.29 setelah ditolak zakat dan pindahan ke kumpulan wang Rizab Statutori

sebanyak 13%. Bagi tahun berakhir Jun 2015 pula, berlaku pertambahan peningkatan pendapatan sebanyak RM3,639,454.33. KOUNIMAP berharap dengan adanya pertambahan dana dari institusi kewangan lain yang masih dalam peringkat perbincangan dan peringkat permohonan dapat meningkatkan pendapatan KOUNIMAP pada masa akan datang.

Graf 7 : Pendapatan dan Keuntungan bagi tahun 2013, 2014 & 2015



LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (J.A.D.)

Rujukan kami : JKAD 02/2015

Tarikh : 06hb. November 2015

Pengerusi Dan Anggota Lembaga Koperasi
UniMAP Perlis (Kounimap) Berhad
02600 Arau, Perlis

Tuan,

LAPORAN JURUAUDIT DALAM.

Kami Juruaudit Dalaman telah memeriksa dan menjalankan kerja-kerja pengauditan keatas salah satu unit di koperasi iaitu Kewangan yang berakhir pada Jun 2015 (Jun 2014 – Jun 2015) selaras dengan kehendak Undang-undan Kecil 52(1).

Semasa menjalankan pemeriksaan kami mendapati terdapat beberapa perkara yang kami ingin nyatakan untuk perhatian tuan. Bersama-sama ini kami lampirkan satu Memorandum Komen Dan Cadangan atas perkara yang timbul berdasarkan audit kami.

Segala saranan dan cadangan ini telah dibuat berdasarkan kajian ke atas sistem dan tatacara yang berhubung dengan Penyenggaraan akaun mengikut Undang-undang Kecil 67(1)(a). Rekod yang terlibat adalah pada aktiviti yang dilakukan di bawah Kewangan yang melibatkan proses pembelian barang daripada Jabatan Unimap, resit dan baucer.

Sekian, terima kasih.

(Kartini Bt Hj Ali)
Pengerusi

(Nurhafiza Bt Azizan)
Setiausaha

(Normala Bt Hj Khamis)
Anggota

MEMORANDUM KOMEN DAN CADANGAN

Penyelenggaraan Akaun :

- 1) Harta Tetap

Penemuan :

- i) Koperasi UniMAP Perlis Berhad tidak mempunyai tatacara pembelian harta tetap.
- ii) Adalah didapati tiada rekod maklumat harta tetap.

Ini akan menyukarkan pengesanan dan pemantauan harta tetap. Dengan adanya rekod aset tetap yang sempurna, akan memudahkan pihak Koperasi untuk memproses penyelenggaraan, pelupusan dan pengantian harta tetap.

- iii) Adalah disarankan supaya pihak Koperasi menjalankan proses daftar harta, tagging dan merekodkan lokasi untuk semua harta tetap.

2) Proses Pembayaran

Penemuan :

- i) Koperasi UniMAP Perlis Berhad tidak mempunyai tatacara pembayaran.
- ii) Namun pun begitu, didapati proses pembayaran memuaskan. Semua dokumen yang berkaitan dikepilkan bersama Baucer Pembayaran sebagai bukti pembelian dan penghantaran.
- iii) Disarankan supaya pihak Koperasi mengecop tarikh terimaan di setiap dokumen yang diterima.

3) Panjar Wang Runcit (Petty Cash)

Penemuan :

- i) Koperasi UniMAP Perlis Berhad tidak mempunyai tatacara pembayaran melalui Panjar Wang Runcit
- ii) Baucer untuk rekutan Panjar Wang Runcit tidak dikepilkan dengan resit-resit perbelanjaan maka tiada semakan ke atas pembelian yang dilakukan.

4) Penyata Penyesuaian Bank

Penemuan :

- i) Didapati pihak Koperasi UniMAP Perlis Berhad tidak membuat penyata penyesuaian bank dengan sempurna dan memuaskan.

AGENDA 5 MENIMBANG DAN MELULUSKAN

AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT

BAGI TEMPOH JULAI 2014 – JUN 2015

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)

Kami bagi pihak Lembaga dengan ini membentangkan Laporan Berkanun dan Penyata Kewangan bagi berakhir 30 hb Jun 2015. Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan – Peraturan yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa :-

(a) Pada pendapat kami hasil kendalian koperasi bagi tahun berakhir 30 hb Jun 2015 tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara luar biasa mengikut takrif seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993.

(b) Koperasi bercadang untuk memperuntukan dalam pembahagian keuntungannya pada tahun kewangan ini adalah seperti berikut :-

	RM
a) Dividen Atas Modal Yuran (10%)	80,545.04
b) Dividen Atas Modal Syer (15%)	13,017.75
c) Zakat Perniagaan	2,765.60
d) Honorarium Lembaga	58,000.00
e) Kumpulanwang kebajikan Am	100,000.00
f) Tabung Khairat Kematian	30,000.00
g) Tabung Pendidikan	30,000.00
h) Tabung Pengurusan Am	80,000.00
i) Tabung Ganjaran Kakitangan	80,000.00


(c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai asset dan liabiliti koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

(d) Dalam jangka masa yang diliputi oleh Akuan Untung Rugi tiada liabiliti luarjangka yang disanggupi oleh koperasi yang belum diselesaikan.

(e) Lembaga juga berpendapat bahawa amaun aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

Kami bagi pihak Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, tiada lain-

lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993, Seksyen 59(3).



(ABDULL HALIM ABDUL)

Pengerusi



(AHMAD SYAYUTHI ABD RAHMAN)

Setiausaha



(SAHADAH AHMAD)

LAPORAN JURUAUDIT LUAR

Anggota Lembaga,
KOPERASI UniMAP PERLIS (kounimap) BERHAD,
No. 8 & 10, Tingkat 1,
Jalan MU 1, Medan Universiti,
02600 Arau, Perlis.

LAPORAN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI UniMAP PERLIS (kounimap) BERHAD

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kami telah menyempurnakan pengauditan penyata kewangan Koperasi bagi tahun berakhir 30 Jun 2015. Kami ingin menyatakan bahawa pemeriksaan dan kajian kami ketas rekod-rekod kewangan dan dokumen-dokumen yang bersangkut dengannya, dilakukan secara terpilih. Oleh yang demikian, pengauditan ini tidak seharusnya menimbulkan semua kesalahan atau kekurangan di dalam rekod-rekod kewangan dan kelemahan di dalam kedudukan kewangan Koperasi. Berdasarkan pengauditan yang kami jalankan, kami ingin menarik perhatian Ahli Lembaga Koperasi terhadap perkara-perkara berikut:

1. PRESTASI KEWANGAN

Koperasi mengakhiri tahun kewangan semasa dengan mencatatkan peningkatan dalam keuntungan sebanyak RM214,950.27 atau 45.74% berbanding keuntungan dalam tahun 2014.

Kumpulan Wang Anggota Koperasi dalam tahun semasa telah menunjukkan peningkatan secara agresif daripada RM26,945,939.88 kepada RM42,942,047.06 iaitu peningkatan sebanyak RM15,996,107.18 atau 59%.

Jumlah keseluruhan aset koperasi pada **30 Jun 2015** ialah RM43,160,691.68. Meningkat sebanyak RM16,078,298.10 berbanding tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, RM7,010,391.71 merupakan jumlah aset semasa koperasi. Berdasarkan jumlah asset semasa tersebut, nisbah semasa koperasi pada **30 Jun 2015** telah menurun sedikit kepada nisbah 116 : 1 daripada nisbah 12.5 : 1 pada tahun 2014.

2. TABUNG SIMPANAN KHAS PERUMAHAN

Tabung Simpanan Khas Perumahan berjumlah RM100,00.00 hendaklah dibuat peraturan-peraturannya dan hendaklah bentang dan diluluskan didalam mesyuarat agung tahunan koperasi.

3. PELABURAN DALAM KOPERASI UTM BERHAD

Koperasi telah melabur didalam koperasi UTM Berhad berjumlah RM100,000.00, oleh itu pihak koperasi hendaklah mendapatkan sijil pelaburan tersebut dengan segera supaya dapat disahkan kesahihannya.

4. TABUNG SIMPANAN KHAS ANGGOTA

Tabung Simpanan Khas Anggota seperti nota 22 telah digunakan oleh koperasi sepenuhnya untuk membiayai pinjaman kepada anggota-anggotanya yang mana fungsinya sama dengan Modal Yuran Anggota. Oleh itu dicadangkan supaya ianya lebih baik dijadikan Modal Yuran Anggota dan hendaklah cadang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan yang akan datang.

Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Lembaga Koperasi di atas kepercayaan yang diberikan kepada kami untuk menjalankan pengauditan dan kepada kakitangan Koperasi yang telah memberikan kerjasama semasa kami menjalankan tugas.

Sekian terima kasih.

"Bersama Membangun Koperasi"


SYED ZULKIFLE AND CO
No. Firma: RA0025325-D
JuruauditKoperasiBertauliah (Malaysia)
No. KelulusanJuruaudit: SKM(A) 0494

KUNCI KIRA-KIRA PADA 30 JUN 2015

	NOTA	2015 RM	2014 RM
HARTA, TANAH, LOJI DAN PERALATAN			
Komputer	4	12,347.00	13,018.60
Aset-Aset Lain	4	<u>204,985.80</u>	<u>183,499.10</u>
		<u>217,332.80</u>	<u>196,517.70</u>
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan Dalam Syer Tak Siarharga	5	104,861.75	4,617.55
Pinjaman Anggota	6	<u>36,434,897.63</u>	<u>22,845,578.03</u>
		<u>36,539,759.38</u>	<u>22,850,195.58</u>
ASET SEMASA			
Penghutang Perniagaan	7	55,240.00	18,013.60
Penghutang Perniagaan - KoUnimap Buku	8	53,514.35	148,746.76
Penghutang Perniagaan - KoUnimap Idea	9	923.49	353.49
Pinjaman Anggota Dalam Tempoh 12 Bulan	6	6,160,737.62	3,977,331.02
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	10	51,731.57	81,267.94
Wang di Bank	11	687,260.77	154,574.95
Tunai di Tangan	12	<u>983.91</u>	<u>6,725.95</u>
		<u>7,010,391.71</u>	<u>4,387,013.71</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang Perniagaan	13	12,050.95	12,050.95
Pemiutang Perniagaan - KoUnimap Buku	14	129,361.81	70,591.21
Pelbagai Pemiutang	15	143,195.93	109,217.51
Tabung Simpanan Khas Perumahan		100,000.00	0.00
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	16	23,324.26	15,620.79
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	17	11,775.26	10,606.87
Dividen	18	<u>187,084.00</u>	<u>133,246.08</u>
		<u>606,792.21</u>	<u>351,333.41</u>
Aset / Liabiliti Semasa Bersih		<u>6,403,599.50</u>	<u>4,035,680.30</u>
		<u>43,160,691.68</u>	<u>27,082,393.58</u>
Dibiayai oleh :			
Modal Syer Anggota	19	86,785.00	74,785.00
Modal Yuran Anggota	20	805,450.40	637,184.80
Kumpulan Wang Penebusan Syer		2,222.38	2,222.38
Kumpulan Wang dan Tabung Anggota	21	597,941.96	372,098.02
Tabung Simpanan Khas Anggota	22	<u>41,017,369.72</u>	<u>25,535,229.39</u>
Akaun Untung rugi Terkumpul		<u>432,277.60</u>	<u>324,420.29</u>

KUMPULAN WANG ANGGOTA			
Kumpulan Wang Rizab Statutori	23	42,942,047.06	26,945,939.88
		218,644.62	136,453.70
		43,160,691.68	27,082,393.58

Nota-nota yang mengiringinya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini
dan hendaklah dibaca bersekali

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2015**

	2015 RM	2014 RM
Untung Bersih Tahun Semasa	684,924.35	469,974.65
Tolak : Pembahagian Berkanun		
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 12%	82,190.92	56,396.95
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2%	13,698.49	9,399.50
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1%	6,849.24	4,699.75
Untung Selepas Pembahagian Berkanun	582,185.70	399,478.45
Tolak :		
Peruntukan Zakat Perniagaan	2,765.60	11,749.37
Tolak : Lain-lain Pembahagian		
Dividen Atas Modal Syer (2015 - 15%)(2014 - 20%)	13,017.75	14,957.00
Dividen Atas Modal Yuran (10%)	80,545.04	63,718.48
Honorarium Anggota Lembaga	58,000.00	42,000.00
Kumpulan Wang Kebajikan Am	100,000.00	50,000.00
Tabung Khairat Kematian	30,000.00	15,000.00
Tabung Pendidikan	30,000.00	15,000.00
Tabung Lawatan Sambil Belajar	0.00	15,000.00
Tabung Bantuan Kemalangan	0.00	15,000.00
Tabung Pengurusan Am	80,000.00	50,000.00
Tabung Ganjaran Kakitangan	80,000.00	50,000.00
Baki Keuntungan Selepas Lain-Lain Pembahagian	107,857.31	57,053.60
Pelarasan Bukan Operasi :		
Syer di Bank Persatuan Tidak Diambilkira	0.00	3,617.55
Kumpulan Wang Rizab Statutori 2012 Tidak Diambilkira	0.00	(23,174.58)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi 2012 Tidak Diambilkira	0.00	(1,782.66)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi 2012 Tidak Diambilkira	0.00	(1,782.66)
Baki Keuntungan Selepas Pelarasan	107,857.31	33,931.25
Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun	324,420.29	290,489.04
Keuntungan Terkumpul Dibawa Ke Kunci Kira-Kira	432,277.60	324,420.29

AKAUN UNTUNG RUGI INDUK BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2015

	NOTA	2015 RM	2014 RM
PENDAPATAN			
<i>Pendapatan Daripada Aktiviti :</i>			
Kontrak	LAMPIRAN I	5,250.00	53,500.00
Kredit	LAMPIRAN II	3,056,709.86	2,065,492.64
Lain-Lain Unit Koperasi	LAMPIRAN III	552,647.54	386,466.92
Dividen Bank Persatuan		219.20	217.05
Dividen KOPSYA		25.00	0.00
<i>Pendapatan Am :</i>			
Fee Masuk		6,750.00	10,100.00
Sewa Premis		14,580.00	15,145.00
Hibah		2,227.73	2,128.50
Lain-Lain Pendapatan		1,045.00	943.00
JUMLAH		3,639,454.33	2,533,993.11
PERBELANJAAN			
<i>Kos Aktiviti :</i>			
Kontrak	LAMPIRAN I	3,291.76	0.00
Kredit	LAMPIRAN II	548,882.40	231,349.07
Lain-Lain Unit Koperasi	LAMPIRAN III	504,320.76	304,325.02
Keuntungan Tabung Simpanan			
Khas	22	917,166.31	864,529.00
<i>Perbelanjaan Am :</i>			
Alatulis dan Percetakan		5,869.35	8,298.54
Mesyuarat Agung		15,000.00	12,500.00
Belanja Mesyuarat Agung		9,805.20	8,046.50
Belanja Pejabat		16,790.41	0.00
Setem dan Pos		1,222.70	211.75
Belanja Laman Sesawang		0.00	420.00
Baju Koporat		1,470.00	700.00
Caj Perkhidmatan		300.00	120.00
Caj Bank		1,073.96	1,125.83
Keraian		2,236.35	4,202.60
KWSP		155,961.65	70,606.00
PERKESO		13,072.75	7,564.60
Pembaikan dan Penyelenggaraan		27,579.00	11,566.10
Perbelanjaan Lembaga	24	132,433.20	65,358.16
Sewa UniMAP		50,690.00	34,240.00
Susutnilai Aset Tetap	4	50,652.71	36,792.05
Gaji		344,637.35	334,541.75
Baki Dibawa Ke Hadapan		2,802,455.86	1,996,496.97

NOTA	2015	2014
	RM	RM
Baki Dihantar Ke Hadapan	2,802,455.86	1,996,496.97
Pelupusan Hutang Lapuk :		
a) Koop Services KKG	5,200.00	1,000.00
b) Luxida Enterprise KKF	0.00	2,605.00
c) Exybiz Enterprise	6,793.60	0.00
d) Acia Global Technology	5,220.00	0.00
